



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA & WILAYAH



SOALAN LAZIM KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

A. PENGAMBILAN & PENEMPATAN PELAJAR

1. Bagaimakah cara untuk membuat permohonan kemasukan ke Kolej Profesional MARA?
Permohonan adalah secara dalam talian di laman web <https://hi-edu.my/>.
2. Saya ingin membuat permohonan untuk kemasukan ke Kolej Profesional MARA. Perlukah saya membeli nombor pin bagi membolehkan saya membuat permohonan secara dalam talian tersebut?
Tidak perlu. Permohonan kemasukan ke Kolej Profesional MARA tidak memerlukan pembelian nombor pin dan pendaftaran adalah percuma.
3. Apakah syarat kelayakan kemasukan ke Kolej Profesional MARA?
Berikut adalah syarat kelayakan umum kemasukan ke Kolej Profesional MARA
 - a. Warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera;
 - b. Berumur 18 sehingga 35 tahun;
 - c. Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

*Maklumat syarat kelayakan minimum bagi setiap program yang ditawarkan di KPM boleh didapati di laman web <https://hi-edu.my/>.

4. Apakah program pengajian yang ditawarkan di Kolej Profesional MARA?
Program pengajian yang ditawarkan di Kolej Profesional MARA adalah peringkat diploma seperti berikut:
 - a. Diploma in Accounting (DIA)
 - b. Diploma in Accounting + Certified Accounting Technician (DCAT)
 - c. Diploma in Accounting + SAP s/4HANA Financial Accounting Associates Certification
 - d. Diploma in Business Studies (DBS)
 - e. Diploma in Landscape and Horticulture (DLH)
 - f. Diploma in Entrepreneurship (DEN)
 - g. Diploma in Islamic Finance (DIF) + Associate Qualification Islamic Finance
 - h. Diploma in International Business (DIB)
 - i. Diploma in Integrated Logistics Management + Chartered Institute of Logistics And Transport (DLM)
 - j. Diploma in Marketing (DMK) + Certified Professional Marketer (Asia) Certification

- k. Diploma in Business and Information Technology (DBIT)
 - l. Diploma In Computer Science (DCS)
 - m. Diploma In Comuter Science + SAS@Certified Specialist: Visual Business Analytics Certification
 - n. Diploma In English Communication + Sijil Penterjemahan Bahasa ITBM (DEC)
 - o. Diploma In Halal Industry + Halal Executive Certification (DHI)
 - p. Intensif English Programme(IEP)
5. Berapa kaliakah pengambilan pelajar dibuat dalam tempoh setahun?
3 kali setahun iaitu pada bulan Mac, Julai dan November.
6. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Intensif Bahasa Inggeris (*Intensive English Programme* (IEP))?
Program Intensif Bahasa Inggeris (IEP) adalah program pengajian intensif yang dilaksanakan selama 2 bulan (9 minggu) sebelum melayakkan pelajar mengikuti pengajian peringkat diploma di KPM.
7. Apakah syarat kelayakan akademik untuk mengikuti program IEP?
Memperoleh sekurang-kurangnya 3 KEPUJIAN dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), termasuk subjek:
 - Bahasa Melayu;
 - Dua (2) subjek lain; DAN
 - Bahasa Inggeris (LULUS minimum gred D)
 - Matematik (LULUS minimum gred E)
8. Apakah syarat pelajar IEP untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma?
Mendapat sekurang-kurangnya gred C layak untuk meneruskan pengajian di peringkat Diploma KPM pada sesi pengajian berikutnya.
Pelajar lepasan IEP tidak boleh memohon untuk program Diploma in English Communication (DEC).
9. Bilakah saya boleh menyemak status permohonan kemasukan ke KPM?
Sila rujuk makluman semakan status permohonan seperti yang dinyatakan dalam iklan permohonan kemasukan ke KPM.
10. Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran dalam tempoh yang ditetapkan?
Tidak boleh. Semua calon yang ditawarkan kemasukan ke KPM **WAJIB** untuk mengesahkan penerimaan dalam tempoh yang ditetapkan.

B. PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

11. **Bolehkah saya tidak mengikuti program orientasi untuk pelajar baharu?**
Program orientasi adalah wajib untuk pelajar baharu.
12. **Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?**
Hanya calon yang layak dan menerima tawaran sahaja perlu hadir mendaftar. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke Kolej Profesional MARA.
13. **Saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar?**
Calon diminta untuk menyempurnakan pemeriksaan kesihatan dalam tempoh 2 minggu dari Tarikh hari pendaftaran. Walau bagaimanapun pihak MARA berhak untuk menarik balik tawaran sekiranya calon tidak memenuhi kriteria pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan dan disahkan oleh Pegawai/Pengamal Perubatan berdaftar.
14. **Apakah kesannya jika saya tidak melapor diri pada tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan?**
Tawaran akan terbatal sekiranya calon gagal hadir melapor diri pada Tarikh dan masa yang ditetapkan.
15. **Jika saya gagal untuk hadir mendaftar di kolej, adakah wang pengesahan penerimaan tawaran dikembalikan?**
Tidak.
16. **Bolehkah saya membuat pertukaran program atau kolej setelah melapor diri?**
Seperti yang dinyatakan di dalam peraturan akademik, permohonan pertukaran program atau kolej hanya dibenarkan apabila pelajar berada di semester 2 pengajian. Pelajar boleh mengemukakan permohonan rasmi pada minggu kedua pengajian semester 2.
17. **Apakah tatacara pemakaian semasa pendaftaran?**
Formal.
18. **Bolehkah saya menuntut bayaran tambang perjalanan udara?**
 - a. Tuntutan bayaran tambang perjalanan udara sahaja dibenarkan kepada pelajar Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkelayakan.
 - b. Permohonan tuntutan bayaran tambang perjalanan udara tersebut boleh dikemukakan sekali sahaja dalam tempoh pengajian.
 - c. Pelajar perlu memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk urusan permohonan tuntutan bayaran.

C. KEMUDAHAN

19. Bolehkah saya memohon pinjaman MARA bagi membiayai pengajian di Kolej Profesional MARA?

Hanya pelajar baharu yang ditawarkan ke program pengajian diploma dwipersijilan KPM seperti dinyatakan di bawah dikehendaki memohon pinjaman pelajaran MARA di bawah Program Penajaan Pengajian Tertiari 2024 Tertiary Education Sponsorship Programme (TESP) berpandukan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MARA:

- a. Diploma in Accounting + Certified Accounting Technician (DCAT)
- b. Diploma in Accounting + SAP s/4HANA Financial Accounting Associates Certification
- c. Diploma in Marketing + Certified Professional Marketer (Asia) Certification

Bagi program diploma KPM selain yang dinyatakan di atas tidak perlu membuat permohonan pinjaman pelajaran MARA di bawah Program Penajaan Pengajian Tertiari 2024 Tertiary Education Sponsorship Programme (TESP).

20. Apakah syarat umum untuk memohon Penajaan Pinjaman MARA dibawah program TESP?

- Pemohon dan salah seorang ibu atau bapa adalah warganegara dan bertaraf bumiputera.
- Ibu dan bapa/Penjaga serta pelajar TIDAK disenarai hitam oleh MARA.
- Pemohon tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat yang sama (*double sponsor*).
- Kursus yang diikuti adalah kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Badan Profesional Malaysia
- Tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin yang menyalahi undang-undang negara dan tidak mempunyai rekod jenayah.
- Bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat.
- Mendapat pelepasan / penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain (kecuali MARA) untuk pengajian sebelum ini (bagi yang berkaitan).

NOTA RUJUKAN: Garis Panduan Permohonan Program Penajaan Pengajian Tertiari 2024 Tertiary Education Sponsorship Programme (TESP)

21. Adakah kemudahan asrama disediakan?

Kemudahan asrama disediakan tertakluk kepada kekosongan. Keutamaan diberikan kepada pelajar semester 1.

22. Adakah makan minum pelajar disediakan?

Urusan makan minum adalah tanggungan pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan kafeteria disediakan setiap kolej.

23. Siapakah yang akan membayar sewa penginapan pelajar yang tinggal di luar kolej?

Sewa penginapan adalah di bawah tanggungan pelajar.

24. **Adakah pelajar boleh membawa kenderaan sendiri?**

Pelajar semester 2 dan ke atas sahaja dibenarkan untuk membawa kenderaaan sendiri bergantung kepada ketetapan kolej.

D. PROGRAM PENGAJIAN

25. Kemanakah hala tuju pelajar lepasan diploma KPM yang tamat pengajian?
Pelajar boleh menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta bekerja di sektor industri yang berkaitan.
26. Adakah program diploma di KPM mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)?
Kesemua program diploma KPM yang telah cukup tempoh pengajian telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan sijil akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
27. Sekiranya saya menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di IPTA / IPTS, adakah IPTA / IPTS ini memberi pemindahan kredit?
Bergantung kepada IPTA / IPTS serta program ijazah sarjana muda yang diikuti dan juga gred kursus berkaitan yang diperolehi semasa pengajian di Kolej Profesional MARA. Urusan pemindahan kredit adalah bergantung kepada syarat yang telah ditetapkan oleh pihak IPTA/IPTS
28. Adakah pihak MARA akan memberi kemudahan pinjaman bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana di IPTA / IPTS?
Pelajar lepasan diploma KPM boleh membuat permohonan kemudahan pinjaman pelajaran bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPTA/IPTS tertakluk kepada program serta syarat yang ditentukan oleh MARA.
- *Program dan syarat yang diberikan pinjaman adalah tertakluk kepada dasar semasa Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA.**
29. Adakah pelajar Kolej Profesional MARA dikehendaki menjalani latihan industri?
Bergantung kepada program diploma yang mensyaratkan keperluan latihan industri.